

*Artikel*

**Aplikasi Maqasid Shariah dalam Menangani Cabaran Isu Pemikiran Kontemporari**  
(*Application of Maqasid Shariah in Addressing Challenges of Contemporary Thought Issues*)

Mohd Hidayat Mahadi<sup>1</sup>, Siti Sara Ibrahim<sup>2</sup>, Siti Nur Husna Abd Rahman<sup>3</sup>, Siti Nadiah Babge<sup>4</sup>  
& Ahmad Munawwar Ismail<sup>5</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Pengajian & Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam dan Kontemporari (ACIS),  
UiTM Shah Alam, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Pengurusan & Perniagaan, UiTM Kampus Rembau, Jalan Kampung Pilin, 71300 Rembau,  
Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>3</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Kampus Kuala Pilah, Pekan Parit Tinggi,  
72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>4</sup>Fakulti Sains Sosial & Teknologi Maklumat, Kolej Universiti Agrosains Malaysia, Lot 2020  
Ayer Paabas, 78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia

<sup>5</sup>Pusat Kajian Usuluddin & Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Pengarang Koresponden: [mohdhidayat@uitm.edu.my](mailto:mohdhidayat@uitm.edu.my)

Diserah: 15 Disember 2024

Diterima: 20 Februari 2025

**Abstrak:** Artikel ini membincangkan aplikasi Maqasid Shariah dalam menangani cabaran isu pemikiran kontemporari. Maqasid Shariah merujuk kepada tujuan utama hukum syarak itu diadakan. Ia juga bertujuan untuk memastikan bahawa segala peraturan dan hukum dalam Islam membawa kebaikan serta manfaat kepada manusia. Maqasid Shariah merangkumi penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Kesemua elemen Maqasid Shariah sebenarnya memainkan peranan penting dalam mengimbangi perubahan sosial, budaya, dan pemikiran moden. Ini kerana di era kontemporari, pelbagai bentuk aliran pemikiran telah wujud seiring dengan perubahan dunia sains dan teknologi moden. Objektif kajian ini memfokuskan peranan Maqasid Shariah dalam pemikiran Islam moden, seterusnya peranan Maqasid Shariah sebagai medium untuk menangani isu pemikiran masakini seperti liberalisme, sekularisme, pluralisme dan krisis moral. Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif. Data dikumpulkan melalui tema Maqasid Shariah serta tema isu-isu semasa. Data kemudiannya dinilai kandungan dan dianalisis. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa penerapan Maqasid Shariah dapat menjadi kerangka yang berkesan dalam membentuk dasar dan pendekatan yang relevan untuk menyelesaikan cabaran pemikiran kontemporari. Artikel ini turut mencadangkan langkah strategik untuk meningkatkan kefahaman dan pengamalan Maqasid Shariah dalam kehidupan masyarakat madani serta moden.

**Kata kunci:** Maqasid Shariah; pemikiran kontemporari; pendekatan kualitatif; cabaran moden; Islam

**Abstract:** This article discusses the application of Maqasid Shariah in addressing the challenges of contemporary thought issues. Maqasid Shariah refers to the primary objectives of Islamic law. It aims to ensure that all rules and laws in Islam bring goodness and benefits to humanity. Maqasid Shariah encompasses the preservation of religion, life, intellect, lineage, and property. All these elements of Maqasid Shariah play a crucial role in balancing social, cultural, and modern intellectual changes. This is because, in the contemporary era, various forms of thought have emerged alongside advancements in modern science and technology. The

objective of this study focuses on the role of Maqasid Shariah in modern Islamic thought, and subsequently, its role as a medium to address current intellectual issues such as liberalism, secularism, pluralism, and moral crises. The research method used in this study is qualitative. Data was collected through themes of Maqasid Shariah and current issues. The data was then content-evaluated and analyzed. The findings of this study indicate that the application of Maqasid Shariah can serve as an effective framework in shaping relevant policies and approaches to resolve contemporary intellectual challenges. This article also suggests strategic steps to enhance the understanding and practice of Maqasid Shariah in the lives of civil and modern society.

**Keywords:** Maqasid Shariah; contemporary thought; qualitative approach; modern challenges; Islam

---

## Pengenalan

Cabaran pemikiran kontemporari, seperti liberalisme, sekularisme, dan hedonisme, telah memberi impak besar terhadap umat Islam pada era moden ini. Pemikiran ini sering bertentangan dengan nilai-nilai Islam, membawa kepada krisis moral dan sosial yang memerlukan penyelesaian berasaskan agama (Al-Attas, 1993). Dalam konteks ini, Maqasid Shariah muncul sebagai kerangka penting untuk mengimbangi tuntutan moden dengan prinsip-prinsip Islam yang murni. Ia bertujuan untuk membina budaya positif dalam institusi sosial masyarakat yang signifikan dengan syariat Islam (Norkhairilhuda et al., 2024). Maqasid Shariah merangkumi tujuan-tujuan utama syariah seperti menjaga agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta, bertujuan memastikan kesejahteraan individu dan masyarakat (Chapra, 2008). Konsep ini bukan sahaja membimbing umat Islam dalam ibadah, tetapi juga dalam pembangunan sosial, politik, dan ekonomi (Kamali, 2010). Oleh itu, aplikasi Maqasid Shariah dilihat relevan dalam menangani cabaran pemikiran kontemporari yang semakin kompleks. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pemahaman dan pelaksanaan Maqasid Shariah dapat membantu membentuk dasar yang lebih adil dan seimbang dalam masyarakat moden. Sebagai contoh, penelitian oleh Dusuki dan Abdullah (2007) mendapati bahawa Maqasid Shariah memainkan peranan utama dalam sektor kewangan Islam, yang kini menjadi model global. Begitu juga, pemikiran ini dapat diaplikasikan dalam bidang pendidikan, undang-undang, dan pentadbiran awam untuk menangani cabaran semasa.

Namun, terdapat kekurangan dalam pemahaman masyarakat umum mengenai Maqasid Shariah, terutamanya dalam konteks isu pemikiran kontemporari (Hashim, 2014). Pemahaman terhadap pentingnya Maqasid Syariah adalah perlu kerana ia dapat mendidik manusia agar menerapkan konsep keredhaan Allah SWT dalam semua bentuk urusan kemanusiaan (Rosfazila et al., 2016). Pemikiran liberal dan sekular sering kali menimbulkan konflik dengan prinsip syariah, yang memerlukan pendekatan strategik untuk memelihara keseimbangan antara tradisi Islam dan realiti moden. Ini menjadikan kajian terhadap aplikasi Maqasid Shariah sebagai satu keperluan yang mendesak.

Pendekatan kualitatif digunakan dalam artikel ini untuk meneroka bagaimana Maqasid Shariah dapat diaplikasikan dalam menyelesaikan cabaran pemikiran kontemporari. Data diperoleh melalui analisis literatur Islam dan dokumen yang berkaitan, termasuk buku, jurnal, dan laporan dasar. Kajian ini memberikan tumpuan kepada isu-isu utama seperti krisis moral, peranan teknologi, dan konflik budaya dalam masyarakat Islam.

Artikel ini diharapkan dapat memberi wawasan yang mendalam tentang potensi Maqasid Shariah sebagai kerangka penyelesaian yang berkesan. Penemuan ini tidak hanya relevan kepada pembuat dasar, tetapi juga kepada masyarakat umum yang berusaha memahami dan mengaplikasikan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian (Rahman, 1980). Maqasid Shariah secara literal bermaksud “tujuan-tujuan syariah,” yang merujuk kepada matlamat dan objektif utama undang-undang Islam (Ibn Ashur, 2006). Tujuan utamanya adalah untuk memastikan kesejahteraan manusia (*maslahah*) di dunia dan akhirat melalui perlindungan lima perkara utama: agama (*al-din*), nyawa (*al-nafs*), akal (*al-aql*), keturunan (*al-nasl*), dan harta (*al-mal*) (Al-Ghazali, 1997). Konsep ini memainkan peranan penting dalam membentuk undang-undang Islam yang fleksibel dan relevan dengan perubahan zaman (Kamali, 2008). Pengamalan Maqasid Shariah juga turut bertujuan untuk memelihara keseimbangan antara hak individu dan kepentingan masyarakat. Prinsip ini menekankan bahawa setiap hukum syariah yang ditetapkan Allah SWT dan Rasul-Nya mempunyai hikmah

tertentu, sama ada berbentuk manfaat yang dicapai atau kemudharatan yang dielakkan. Oleh itu, setiap hukum perlu dilihat dari sudut masalah dan maqasidnya (Ibn Ashur, 2006).

Al-Ghazali (1997) menjelaskan bahawa perlindungan agama merupakan keutamaan utama dalam Maqasid Shariah kerana agama adalah asas kepada hubungan manusia dengan Allah dan menjadi panduan kehidupan. Selain itu, perlindungan nyawa melibatkan usaha menjaga keselamatan individu dan masyarakat daripada bahaya fizikal atau psikologi, seperti melalui pelaksanaan hudud bagi jenayah tertentu. Prinsip asas lain adalah perlindungan akal, yang merangkumi keperluan untuk memastikan pendidikan dan pembelajaran yang baik, serta mengelakkan perkara yang boleh merosakkan akal seperti penyalahgunaan dadah atau alkohol (Chapra, 2008).

Dalam konteks perlindungan keturunan, syariah menetapkan peraturan mengenai perkahwinan dan larangan zina untuk menjaga institusi keluarga. Perlindungan harta pula memastikan keadilan ekonomi melalui larangan riba dan penekanan kepada amalan zakat dan infaq. Kamali (2008) menegaskan bahawa Maqasid Shariah bukan hanya konsep teoritikal tetapi juga kerangka praktikal untuk mengurus cabaran moden. Dengan menggunakan pendekatan Maqasid, ulama dan pembuat dasar boleh menyesuaikan hukum syariah agar relevan dengan situasi kontemporari, tanpa mengkompromikan prinsip asas Islam. Oleh itu, Maqasid Shariah berfungsi sebagai asas utama dalam memahami dan melaksanakan syariah dengan cara yang paling sesuai untuk kesejahteraan umat manusia. Maqasid Shariah bukan hanya terhad kepada lima perkara utama, tetapi juga meliputi matlamat lain yang lebih luas seperti menjaga keadilan, kesejahteraan, dan persaudaraan (Ibn Qayyim, 2005). Dalam konteks dunia moden, penerapan prinsip-prinsip ini dapat membantu menyelesaikan pelbagai cabaran sosial, politik, dan ekonomi, menjadikan Maqasid Shariah relevan sepanjang zaman.

### Sorotan Literatur

Maqasid Shariah merujuk kepada objektif dan tujuan syariah dalam memastikan kesejahteraan manusia (*maslahah*) serta menghindarkan kemudharatan (*mafsadah*). Kajian literatur mengenai Maqasid Shariah menunjukkan bahawa konsep ini mempunyai aplikasi yang meluas dalam pelbagai bidang seperti kewangan Islam, pendidikan, undang-undang, dan pentadbiran sosial. Al-Ghazali (1997) menggariskan lima objektif utama Maqasid Shariah, iaitu perlindungan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Kajian moden turut mengembangkan prinsip ini kepada dimensi yang lebih luas, termasuk dari aspek keadilan sosial, pembangunan ekonomi, dan hak asasi manusia (Pertiwi & Herianingrum, 2024). Prinsip ini menjadi asas dalam memastikan kesejahteraan individu dan masyarakat secara menyeluruh. Menurut Ibn Ashur (2006), pendekatan Maqasid memberikan dimensi yang lebih luas dengan memasukkan elemen seperti keadilan sosial dan pembangunan insan. Dalam kewangan Islam, Maqasid Shariah berfungsi sebagai panduan untuk membentuk produk kewangan yang tidak hanya patuh syariah, tetapi juga membawa manfaat kepada masyarakat. Dusuki dan Abdullah (2007) menunjukkan bahawa konsep masalah yang menjadi teras Maqasid, digunakan untuk memastikan keadilan ekonomi dan sosial. Contohnya, larangan terhadap riba dan penekanan kepada zakat dan wakaf mencerminkan usaha untuk membasmi ketidakseimbangan ekonomi. Chapra (2008) turut menegaskan bahawa sistem kewangan Islam yang berasaskan Maqasid mampu menawarkan penyelesaian kepada ketidakadilan ekonomi yang berlaku dalam sistem konvensional. Malah dalam pengurusan organisasi juga terdapatnya unsur-unsur maqasid syariah. Ini bermaksud bahawa segala hal urusan pentadbiran negara atau organisasi mestilah berpaksikan kepada dalil aqli dan naqli yang merangkumi prinsip maqasid syariah. Ini penting kerana ianya bertujuan menjaga kemaslahatan serta kepentingan semua pihak yang terlibat. Apabila berlandaskan kepada acuan Islam, maka ianya akan memandu Masyarakat ke arah kebaikan serta menjauhi kemudharatan (Mahadi et al., 2023).

Sebagai contoh dalam konteks pendidikan, prinsip Maqasid Shariah memainkan peranan penting yang membentuk satu sistem bukan sahaja menekankan pencapaian akademik tetapi juga nilai-nilai etika dan spiritual. Hashim (2014) menegaskan bahawa pendidikan Islam perlu berlandaskan Maqasid bagi melahirkan individu yang holistik dari segi intelektual, emosi, dan sosial. Kamali (2008) pula mencadangkan bahawa integrasi antara pendidikan tradisional dan pemahaman mendalam terhadap Maqasid dapat membantu sistem pendidikan Islam kekal relevan dengan cabaran semasa. Selain itu, kajian terkini menekankan bahawa

pendekatan Maqasid Shariah dalam pendidikan mampu untuk mengatasi jurang antara pendidikan konvensional serta pendidikan yang berteraskan nilai Islam. Dalam konteks pembelajaran abad ke-21, aplikasi Maqasid Shariah juga menjadi asas kepada pembangunan teknologi pendidikan yang selaras dengan prinsip Islam. Menurut Akhsanudin (2024) pula, penggunaan teknologi dalam pendidikan perlu dikawal dengan memastikan ianya menyokong matlamat utama pendidikan Islam, iaitu melahirkan insan yang seimbang dari segi intelektual dan spiritual. Selain itu Rosli et al. (2022) turut menyatakan bahawa kepentingan latihan dan pembangunan guru berasaskan Maqasid Shariah untuk memastikan para pendidik bukan sahaja menyampaikan ilmu, tetapi juga berperanan sebagai pembimbing dalam membentuk sahsiah serta akhlak pelajar. Secara keseluruhannya, integrasi Maqasid Shariah dalam sistem pendidikan tidak hanya memastikan kelestarian ilmu dalam menghadapi cabaran kontemporari, tetapi juga menegaskan kepentingan nilai etika dan spiritual dalam membentuk generasi yang berdaya saing, berakhlak, serta bertanggungjawab terhadap masyarakat dan alam sekitar.

Kajian dalam bidang sosial dan politik turut menunjukkan bahawa Maqasid Shariah berperanan penting dalam memastikan keadilan dan kesejahteraan masyarakat. Ibn Qayyim (2005) menekankan bahawa hukum-hukum Islam harus bersifat dinamik dan fleksibel, selagi ia selaras dengan matlamat utama syariah. Sebagai contoh, penggunaan Maqasid dalam pentadbiran awam dapat membantu pembuat dasar memastikan keputusan mereka memberi manfaat maksimum kepada masyarakat (Rahman, 1980). Kepelbagaian aliran pemikiran dan juga fahaman merupakan antara cabaran yang harus didepani dalam zaman kontemporari masa kini. Justeru, penekanan terhadap konsep maqasid syariah dalam bentuk sosiologi adalah penting bagi mengatasi fahaman-fahaman Barat yang mula menular terhadap generasi madani masa kini. Antara fahaman yang mencabar sebagaimana yang dimaksudkan ialah fahaman sekularisme, fahaman liberalisme, fahaman pluralisme dan lain-lain lagi. Fahaman seumpama ini diumpamakan seperti bom jangka yang boleh merosakkan akidah umat Islam masa kini pada bila-bila masa sahaja (Mahadi et al., 2024). Walaupun begitu, terdapat cabaran dalam memahami dan menerapkan Maqasid Shariah, terutama dalam konteks pemikiran kontemporari. Al-Attas (1993) menegaskan bahawa nilai-nilai sekularisme dan liberalisme sering bertentangan dengan prinsip syariah, yang memerlukan pendekatan berhati-hati dalam pengaplikasiannya. Oleh itu, ulama dan cendekiawan Islam perlu memainkan peranan penting dalam menerjemahkan prinsip Maqasid ke dalam dasar-dasar moden yang dapat memenuhi keperluan masyarakat kontemporari.

Kesimpulannya, literatur menunjukkan bahawa Maqasid Shariah bukan hanya relevan sebagai konsep teori tetapi juga sebagai kerangka kerja praktikal dalam menangani cabaran semasa. Dengan pendekatan yang holistik, prinsip-prinsip ini dapat diterapkan dalam pelbagai bidang untuk memastikan keseimbangan antara masalah individu dan kepentingan masyarakat. Penerapan Maqasid Shariah yang tepat dapat membantu mencapai tujuan akhir syariah, iaitu kesejahteraan duniawi dan ukhrawi.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk memahami aplikasi Maqasid Shariah dalam menangani isu pemikiran kontemporari. Pendekatan ini sesuai untuk kajian yang melibatkan analisis mendalam terhadap konsep, prinsip, dan pandangan dalam kerangka Maqasid Shariah (Creswell, 2014). Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia menyediakan ruang untuk menginterpretasi fenomena secara mendalam melalui analisis teks-teks utama dan sekunder yang berkaitan dengan Maqasid Shariah. Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini melibatkan analisis dokumen. Dokumen yang dikaji terdiri daripada karya-karya klasik ulama seperti Al-Mustasfa oleh Al-Ghazali (1997) dan Maqasid al-Shariah oleh Ibn Ashur (2006), serta kajian kontemporari seperti tulisan Kamali (2008) dan Chapra (2008). Dokumen-dokumen ini dipilih kerana relevansi dan keupayaannya untuk memberikan wawasan mendalam mengenai prinsip dan aplikasi Maqasid Shariah dalam konteks semasa.

Analisis data dilakukan menggunakan kaedah analisis kandungan tematik. Pendekatan ini membolehkan peneliti mengenal pasti tema-tema utama yang muncul dalam teks yang dianalisis, seperti prinsip keadilan, masalah, dan keseimbangan dalam aplikasi Maqasid Shariah. Kaedah ini adalah penting untuk memastikan hasil analisis adalah sistematik dan objektif (Braun & Clarke, 2006). Untuk meningkatkan ketepatan dan kesahihan kajian, triangulasi data digunakan. Triangulasi dilakukan dengan membandingkan

hasil analisis dokumen utama dengan pandangan daripada artikel jurnal dan laporan kontemporari yang relevan. Creswell dan Poth (2018) menegaskan bahawa triangulasi adalah kaedah penting dalam penyelidikan kualitatif untuk mengukuhkan kredibiliti data dan interpretasi.

Selain itu, pendekatan hermeneutik juga diterapkan untuk memahami teks-teks Islam secara kontekstual dan dinamik. Hermeneutik membolehkan peneliti memahami maksud teks dalam konteks masa kini tanpa mengabaikan latar belakang sejarahnya (Gadamer, 1989). Pendekatan ini sangat relevan dalam kajian yang melibatkan tafsiran teks-teks syariah untuk aplikasi dalam situasi moden. Secara keseluruhannya, metodologi kajian ini dirancang untuk memberikan gambaran yang holistik dan mendalam mengenai aplikasi Maqasid Shariah dalam menangani cabaran pemikiran kontemporari. Gabungan analisis dokumen, pendekatan tematik, dan triangulasi data memastikan hasil kajian dapat memberikan sumbangan signifikan kepada bidang pengajian Islam kontemporari.

### Hasil Kajian

Pendekatan Maqasid Shariah telah digunakan secara meluas dalam menangani pelbagai isu pemikiran kontemporari. Salah satu aplikasi praktikal yang ketara ialah dalam sektor kewangan Islam. Sistem kewangan Islam, seperti perbankan dan takaful, direka untuk memenuhi prinsip Maqasid Shariah dengan memastikan keadilan dan mengelakkan unsur riba, gharar, dan maysir. Sebagai contoh, produk sukuk yang digunakan oleh kerajaan Malaysia mengintegrasikan elemen keadilan dan kestabilan ekonomi sesuai dengan prinsip masalah (Dusuki & Abozaid, 2007).

Dalam sektor pendidikan, Maqasid Shariah diterapkan melalui usaha memelihara akal (*hifz al-aql*) dengan menyediakan pendidikan berlandaskan nilai-nilai Islam. Program integrasi sains dan agama di sekolah-sekolah menengah di Malaysia, seperti Kurikulum Bersepadu Dini (KBD), mencerminkan aplikasi prinsip ini. Pendekatan ini bertujuan untuk menghasilkan individu yang mampu mengimbangi ilmu agama dan kemahiran saintifik bagi menghadapi cabaran globalisasi (Hassan, 2013). Dalam bidang pemuliharaan alam sekitar, prinsip Maqasid Shariah turut menjadi panduan dalam menjaga keseimbangan ekosistem. Konsep *hifz al-bi'ah* (pemeliharaan alam sekitar), yang dilihat sebagai sebahagian daripada masalah, telah diaplikasikan dalam dasar-dasar negara Islam seperti Indonesia. Sebagai contoh, polisi "*Green Hajj*" di Arab Saudi bertujuan untuk mengurangkan impak karbon jemaah haji dan selaras dengan prinsip menjaga kemaslahatan umum (Ahmad & Sulaiman, 2017).

Dalam bidang kesihatan, aplikasi Maqasid Shariah sangat penting, terutama dalam isu bioetika. Di Malaysia, prinsip *hifz al-nafs* (pemeliharaan nyawa) digunakan untuk membuat keputusan berkaitan rawatan pesakit, seperti dalam hal euthanasia atau pemindahan organ. Kajian oleh Gatrad dan Sheikh (2001) menunjukkan bahawa Maqasid Shariah membantu memberikan garis panduan yang jelas dalam menangani dilema etika dengan memastikan keseimbangan antara manfaat pesakit dan kepatuhan terhadap syariah. Selain itu, dalam isu sosial, prinsip Maqasid Shariah digunakan untuk menangani masalah keluarga dan masyarakat. Di Singapura, pendekatan ini diterapkan melalui undang-undang keluarga Islam, yang mengintegrasikan prinsip *hifz al-nasl* (pemeliharaan keturunan) dengan konteks masyarakat moden. Ini termasuk penetapan kaunseling praperkahwinan untuk mengurangkan kadar perceraian di kalangan umat Islam (Mahmood, 2009). Keterangan ini jelas menunjukkan bahawa pemikiran kontemporari amat memberikan impaknya terhadap kemaslahatan masyarakat setempat. Sekiranya pemikiran kontemporari itu baik, maka ianya membentuk sebuah masyarakat madani yang baik dari segi sahsiah dan pemikirannya (Ahmad Dzulfahmi et al., 2018). Begitu juga sebaliknya. Pemikiran kontemporari, dari ini sering dikaitkan dengan konsep globalisasi, liberalisme, dan sekularisme, membawa cabaran besar kepada umat Islam. Salah satu isu utama ialah ketidakseimbangan antara tradisi dan modeniti. Contohnya, pemikiran liberal sering mengangkat kebebasan individu di atas nilai-nilai kolektif yang menjadi asas dalam masyarakat Islam (Kamali, 2010). Hal ini mencetuskan konflik antara nilai tradisional Islam dengan tuntutan modeniti, seperti dalam isu feminisme dan hak asasi manusia yang sering ditafsirkan secara berbeza dalam konteks syariah (Baderin, 2007).

Cabaran kedua ialah sekularisme, yang memisahkan agama daripada kehidupan awam. Pemikiran ini menimbulkan dilema besar kepada umat Islam, terutama dalam sistem pemerintahan dan undang-undang. Menurut Al-Attas (1993), sekularisme mencabar kedudukan agama sebagai panduan utama dalam kehidupan

manusia. Ini termasuk cabaran dalam mempertahankan keutuhan prinsip syariah dalam undang-undang dan pentadbiran, terutama di negara-negara yang mengamalkan sistem sekular-demokrasi. Selain itu, relativisme moral menjadi cabaran utama dalam pemikiran kontemporari. Relativisme ini menolak kewujudan kebenaran mutlak dan mengangkat pandangan bahawa semua kepercayaan dan nilai adalah setara (Hashim, 2014). Pandangan ini bertentangan dengan prinsip Islam yang menegaskan kebenaran mutlak berasal daripada wahyu. Implikasi relativisme moral ini dapat dilihat dalam isu seperti perkahwinan sejenis dan perdebatan mengenai pluralisme agama, yang sering membawa kepada salah faham terhadap prinsip Islam (Rahman, 1980).

Globalisasi turut memainkan peranan penting dalam menyebarkan idea-idea pemikiran kontemporari yang bercanggah dengan nilai Islam. Menurut Huntington (1996), globalisasi sering disertai dengan penjajahan budaya yang membawa nilai Barat, seperti materialisme dan hedonisme. Ini mewujudkan tekanan kepada masyarakat Islam untuk menyesuaikan diri dengan nilai-nilai ini, yang kadang kala bercanggah dengan prinsip Maqasid Shariah. Impak pemikiran kontemporari juga dapat dilihat dalam penyebaran ideologi ekstremisme, sama ada ekstremisme agama mahupun liberal. Kedua-dua ekstrem ini menyimpang daripada prinsip kesederhanaan (*wasatiyyah*) yang ditekankan dalam Islam. Pandangan ekstrem menyebabkan kekeliruan dalam memahami matlamat syariah yang sebenar, seperti menjaga keharmonian sosial dan keadilan (Ibn Ashur, 2006).

Pendekatan Maqasid Shariah menawarkan kerangka kerja yang menyeluruh untuk menangani pelbagai cabaran pemikiran kontemporari masa kini. Maqasid Shariah merujuk kepada matlamat utama syariah, iaitu memastikan kesejahteraan manusia dalam kehidupan dunia dan akhirat. Imam Al-Ghazali (1997) menekankan lima elemen utama yang perlu dijaga: agama (*din*), nyawa (*nafs*), akal (*aql*), keturunan (*nasl*), dan harta (*mal*). Dengan menerapkan prinsip ini, umat Islam dapat mencari penyelesaian yang sesuai untuk isu-isu semasa tanpa meninggalkan asas syariah. Salah satu prinsip penting dalam Maqasid Shariah ialah masalah (kemaslahatan umum), yang menjadi panduan dalam membuat keputusan dan dasar. Kamali (2008) menyatakan bahawa masalah adalah mekanisme untuk mengimbangi keperluan kontemporari dengan nilai-nilai Islam. Sebagai contoh, dalam menangani isu feminisme, pendekatan masalah boleh digunakan untuk memastikan hak wanita dipelihara sesuai dengan ajaran Islam, tanpa mengorbankan prinsip syariah. Selain itu, pendekatan istihsan (keutamaan hukum) turut relevan dalam menangani cabaran moden. Istihsan memberikan fleksibiliti dalam mengadaptasi hukum berdasarkan konteks tertentu tanpa melanggar prinsip asas syariah (Ibn Qayyim, 1991). Pendekatan ini amat berguna dalam isu-isu seperti penggunaan teknologi moden dalam kewangan Islam, di mana prinsip syariah diterapkan melalui mekanisme inovatif seperti sukuk dan takaful.

Pendekatan Maqasid Shariah juga menekankan konsep keadilan (*adl*) dalam mengatasi cabaran globalisasi dan sekularisme. Ibn Ashur (2006) menyatakan bahawa keadilan adalah asas kepada keberkesanan syariah dalam mencapai objektifnya. Dalam konteks ini, pendekatan keadilan dapat digunakan untuk mengatasi ketidaksamarataan ekonomi dan sosial yang sering menjadi hasil globalisasi. Sebagai contoh, konsep zakat dan waqf boleh diperluaskan untuk mengurangkan jurang kemiskinan global. Dalam menghadapi relativisme moral, prinsip Maqasid Shariah bertindak sebagai panduan mutlak untuk menentukan apa yang benar dan salah. Rahman (1980) menjelaskan bahawa syariah menawarkan pandangan hidup holistik yang merangkumi nilai-nilai tetap untuk menjaga kestabilan masyarakat. Ini dapat membantu menangani isu seperti pluralisme agama dengan memastikan keharmonian antara agama tanpa mengabaikan akidah Islam.

Kesimpulannya, pendekatan Maqasid Shariah memberikan panduan holistik dan dinamik dalam menangani cabaran pemikiran kontemporari. Melalui prinsip-prinsip seperti masalah, istihsan, dan keadilan, umat Islam dapat menyesuaikan diri dengan tuntutan semasa tanpa mengkompromi nilai-nilai Islam. Usaha ini memerlukan kerjasama antara ulama, cendekiawan, dan masyarakat untuk memastikan Maqasid Shariah terus relevan dalam menyelesaikan isu-isu semasa. Dalam menghadapi cabaran ini, ulama dan cendekiawan perlu menerapkan prinsip Maqasid Shariah untuk mengimbangi keperluan dunia moden tanpa mengabaikan nilai-nilai asas Islam. Hanya melalui pendekatan yang strategik dan berlandaskan wahyu, umat Islam dapat menghadapi isu-isu kontemporari dengan lebih efektif.

## Perbincangan

Penulisan ini bertujuan untuk meneroka aplikasi Maqasid Shariah dalam menangani cabaran isu pemikiran kontemporari. Berdasarkan analisis data dan literatur yang dikaji, beberapa dapatan penting telah diperoleh yang menunjukkan bagaimana prinsip Maqasid Shariah dapat diterapkan dalam pelbagai konteks semasa.

Pertama, salah satu dapatan utama ialah bahawa Maqasid Shariah memberikan panduan yang jelas dalam menangani isu pemikiran moden yang sering menimbulkan kekeliruan, seperti relativisme moral dan globalisasi. Prinsip seperti *maslahah* (kemaslahatan umum) dan *adl* (keadilan) telah digunakan untuk mencari keseimbangan antara kemajuan teknologi dan prinsip-prinsip syariah. Sebagai contoh, dalam sektor kewangan Islam, produk sukuk telah berjaya mengintegrasikan elemen Maqasid Shariah untuk memastikan kemaslahatan umum tanpa melanggar hukum syariah (Dusuki & Abozaid, 2007). Ini menunjukkan bahawa prinsip Maqasid Shariah bukan hanya terhad kepada aspek keagamaan tetapi juga relevan dalam konteks ekonomi global.

Kedua, dapatan menunjukkan bahawa prinsip *hifz al-aql* (pemeliharaan akal) sangat relevan dalam menangani cabaran pemikiran yang berkaitan dengan sains dan teknologi. Sebagai contoh, dalam konteks pendidikan, pengintegrasian sains dan agama di Malaysia melalui Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) memberikan peluang kepada pelajar untuk memperoleh ilmu yang menyeluruh dan selaras dengan Maqasid Shariah. Hal ini selaras dengan pandangan Hassan (2013) bahawa pendidikan berteraskan Maqasid Shariah dapat membina pemikiran kritis dan mampu menghadapi cabaran dunia moden dengan nilai-nilai Islam yang kukuh.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa Maqasid Shariah berperanan penting dalam menangani isu-isu alam sekitar dan sosial. Sebagai contoh, polisi "*Green Hajj*" yang diperkenalkan di Arab Saudi mencerminkan aplikasi prinsip *hifz al-bi'ah* (pemeliharaan alam sekitar), yang merupakan salah satu aspek penting dalam Maqasid Shariah. Inisiatif ini membantu mengurangkan kesan negatif aktiviti haji terhadap alam sekitar dan menyokong usaha memelihara kesejahteraan umat manusia secara keseluruhan (Ahmad & Sulaiman, 2017).

Namun, cabaran utama dalam aplikasi Maqasid Shariah adalah dalam menangani ketegangan antara tradisional dan moden. Pendekatan *istihsan* (keutamaan hukum) dan *ijtihad* (usaha intelektual) menjadi penting untuk menyesuaikan hukum Islam dengan keperluan masyarakat moden tanpa mengorbankan prinsip asas syariah. Walaupun terdapat kemajuan dalam memahami dan mengaplikasikan prinsip-prinsip Maqasid Shariah, masih ada beberapa isu yang memerlukan penyesuaian dan inovasi bagi menghadapinya, terutama dalam konteks perubahan sosial yang pesat (Kamali, 2008).

Dalam perbincangan ini juga, adalah penting untuk menyedari bahawa penerapan Maqasid Shariah tidak hanya bergantung kepada pihak berkuasa agama atau kerajaan, tetapi memerlukan penglibatan aktif dari semua lapisan masyarakat, termasuk cendekiawan dan ahli profesional. Pendidikan dan kesedaran yang lebih mendalam tentang prinsip Maqasid Shariah perlu diperkenalkan di pelbagai peringkat masyarakat agar ia dapat menjadi panduan hidup yang berkesan dalam menghadapi cabaran dunia moden. Dalam menghadapi cabaran isu pemikiran kontemporari, aplikasi Maqasid Shariah menunjukkan potensi yang besar sebagai pendekatan yang komprehensif dan relevan untuk menangani pelbagai isu semasa. Prinsip-prinsip utama Maqasid Shariah seperti *maslahah* (kemaslahatan umum), *adl* (keadilan), *hifz al-nafs* (pemeliharaan nyawa), *hifz al-aql* (pemeliharaan akal), *hifz al-mal* (pemeliharaan harta), dan *hifz al-'ird* (pemeliharaan maruah) dapat menjadi panduan yang berkesan dalam mencari penyelesaian terhadap masalah yang timbul dalam bidang sosial, ekonomi, dan alam sekitar (Ahmad Handhalas et al., 2024).

Akhirnya, dapatan menunjukkan bahawa penerapan Maqasid Shariah dalam menangani cabaran pemikiran kontemporari memerlukan kerjasama antara pihak kerajaan, ulama, dan cendekiawan untuk memastikan bahawa solusi yang diambil adalah relevan, berkesan, dan sesuai dengan realiti semasa. Ini juga memerlukan pendidikan yang lebih mendalam tentang prinsip-prinsip Maqasid Shariah agar masyarakat dapat lebih memahami dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian (Shahidah et al., 2021).

## Kesimpulan

Berdasarkan dapatan di atas, jelas bahawa pendekatan Maqasid Shariah memberikan penyelesaian yang praktikal dan relevan terhadap cabaran-cabaran yang timbul daripada pemikiran kontemporari. Prinsip Maqasid Shariah yang menekankan kesejahteraan umat manusia, keadilan, dan pemeliharaan kemaslahatan umum, memberikan asas yang kukuh untuk menangani isu-isu sosial, ekonomi, dan alam sekitar. Namun, seperti yang ditunjukkan dalam kajian ini, terdapat beberapa cabaran dalam aplikasi prinsip-prinsip tersebut dalam konteks masyarakat moden yang semakin kompleks dan dinamik (Suhaila et al., 2023).

Salah satu cabaran terbesar adalah bagaimana menyeimbangkan antara tradisi Islam dengan tuntutan globalisasi dan kemajuan teknologi. Ini memerlukan pendekatan yang lebih fleksibel, termasuk penggunaan ijtihad dan istihsan untuk menyesuaikan hukum dengan konteks semasa. Pendekatan ini boleh menjadi asas untuk mencipta penyelesaian inovatif yang tidak bertentangan dengan prinsip asas Islam, tetapi juga relevan dengan isu-isu semasa.

Aplikasi prinsip Maqasid Shariah dalam sektor kewangan Islam, pendidikan, pemuliharaan alam sekitar, dan kesihatan menunjukkan bahawa pendekatan ini mampu menyeimbangkan kemajuan dunia moden dengan tuntutan syariah. Sebagai contoh, produk kewangan Islam seperti sukuk yang berpaksikan kepada masalah dan keadilan memberi impak positif dalam mengatasi cabaran globalisasi ekonomi. Begitu juga, integrasi pendidikan sains dan agama di Malaysia membantu melahirkan individu yang berpengetahuan luas serta berdaya saing dalam dunia yang semakin canggih.

Namun, masih terdapat beberapa cabaran yang perlu diatasi, terutamanya dalam menyesuaikan prinsip-prinsip Maqasid Shariah dengan dinamika perubahan sosial dan kemajuan teknologi yang pesat. Pendekatan ijtihad dan istihsan dalam mengadaptasi hukum Islam bagi menghadapi isu-isu kontemporari adalah penting agar prinsip Maqasid Shariah kekal relevan tanpa mengorbankan inti pati syariah.

Secara keseluruhannya, penerapan Maqasid Shariah dalam menangani cabaran pemikiran kontemporari memerlukan kerjasama antara ulama, cendekiawan, dan pihak berkuasa agama untuk memastikan solusi yang diambil berkesan dan sesuai dengan realiti semasa. Pendidikan yang lebih mendalam mengenai prinsip-prinsip ini juga perlu diperkukuhkan agar masyarakat dapat menghayati dan mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian.

**Penghargaan:** Pengarang mengisytiharkan bahawasanya tiada penggunaan dana penajaan dari mana-mana pihak.

**Konflik Kepentingan:** Pengarang mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

## Rujukan

- Ahmad, M., & Sulaiman, M. (2017). Environmental conservation and Maqasid al-Shariah: An Islamic perspective on green practices. *International Journal of Ethics and Systems*, 33(2), 165-180.
- Ahmad Handhalas Shamsuddin, Che Zarrina Sa'ari & Mohd Syukri Zainal Abidin. 2024. Tasawwuf literature in the context of Islamic education: a bibliometric study. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*. 21, (3). <http://dx.doi.org/10.17576/ebangi.2024.2103.15>
- Akhsanudin, M. (2024). Kontekstualisasi Pemikiran Sayyed Hossein Nasr Tentang Pendidikan Islam. *Afkaruna: International Journal of Islamic Studies (AIJIS)*, 2(1), 34-47.
- Al-Attas, S. M. N. (1993). *Islam and secularism*. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC). <https://doi.org/10.38073/aijis.v2i1.1853>
- Al-Attas, S. M. N. (1993). *Islam and secularism*. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Al-Ghazali, A. H. M. (1997). *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ahmad Dzulfahmi Muhammad & Kamaruzaman Yusoff. 2018. Pemikiran Hassan al Banna dan orientasi politik Ikhwan Muslimin terhadap isu permasalahan Palestin, 1931-1949. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*. 15(5), 20-32. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/issue/view/1142>
- Baderin, M. A. (2007). *International human rights and Islamic law.*: Oxford University Press.



- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Chapra, M. U. (2008). *The Islamic vision of development in the light of Maqasid al-Shari'ah*. International Institute of Islamic Thought.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications. <https://shorturl.at/9iwEQ>
- Dusuki, A. W., & Abdullah, N. I. (2007). Maqasid al-Shari'ah, masalah, and corporate social responsibility. *The American Journal of Islamic Social Sciences*, 24(1), 25–45.
- Gadamer, H.-G. (1989). *Truth and method* (2nd ed.). Continuum. <https://doi.org/10.35632/ajis.v24i1.415>
- Gatrad, A. R., & Sheikh, A. (2001). Medical ethics and Islam: Principles and practice. *Archives of Disease in Childhood*, 84(1), 72-75. <https://doi.org/10.1136/adc.84.1.72>
- Hashim, R. (2014). *Islamic revivalism and education*. International Islamic University Malaysia.
- Hassan, M. K. (2013). Integration of science and religion in education: The experience of Malaysia. *Religious Education*, 108(5), 479-494.
- Huntington, S. P. (1996). *The clash of civilizations and the remaking of world order*. Simon & Schuster.
- Ibn Ashur, M. T. (2006). *Treatise on Maqasid al-Shariah (M. E. El-Mesawi, Trans.)*. International Institute of Islamic Thought.
- Ibn Qayyim, A. J. (1991). *I'lam al-Muwaqqi'in*. Saudi Arabia: Dar Ibn al-Jawzi.
- Ibn Qayyim, A. J. (2005). *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*. Dar Ibn Jawzi.
- Kamali, M. H. (2010). *Maqasid al-Shariah made simple*. The International Institute of Islamic Thought. <https://doi.org/10.2307/j.ctvkc67vz>
- Mahmood, T. (2009). *Personal law reform and social change in Muslim countries*. *Islamic Studies*, 48(2), 207-229.
- Mahadi M. H; Abd. Rahman, S. N. H., & Aziz, N. S. 2024. Marxisme and the influence of secularisme in the Arab World: a comparison discussion with the Western view. *International Journal of Religion, Arts and Humanities (IJRAH)*, 5, 1-18: <https://shorturl.at/qNeox>
- Mahadi M. H; Mohd Haidhar Kamarzaman; Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman & Muhammad Hilmi Jalil. 2023. A model of ethical management in organisations: an analysis of al Ghazali's theory of management. *International Journal of Islamic Thought*, 24, 126-132. <https://doi.org/10.24035/ijit.24.2023.275>
- Norkhairilhuda Mustafa & Suraiya Ishak. 2024. Hubungan antara perkongsian nilai dan jaringan hubungan dengan amalan budaya organisasi berorientasikan tadbir urus awam baik. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*. 21(3). <https://doi.org/10.17576/ebangi2024.2103.10>
- Pertiwi, T. D., & Herianingrum, S. (2024). Menggali konsep maqashid syariah: Perspektif pemikiran tokoh Islam. *Jurnal Ilmiah Ekonomi Islam*, 10(1), 807-820. <https://doi.org/10.29040/jiei.v10i1.12386>
- Rahman, F. (1980). *Major themes of the Qur'an*. Chicago: University of Chicago Press.
- Rosfazila Abd Rahman; Novel anak Lyndon; Abd Hair Awang & Azlina Abdullah. 2016. Makna budaya organisasi Islam: Kajian ke Atas Pekerja Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*. 13(2), 204-217. <https://shorturl.at/xLZTN>
- Shahidah Hamzah, Nur Hafizah Yusoff, Fauziah Ani & Zahrul Akmal Damin. 2021. Kesan Hedonisme kepada generasi muda: kajian kes di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, kampus Pagoh. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(2), 98-108. <https://shorturl.at/JUF8C>
- Suhaila Abdullah & Nurliyana Mohd Talib. 2023. Kecemerlangan tamadun Islam di Andalus berdasarkan teori Umran Ibn Khaldun. *E-Bangi: Journal of Special Sciences and Humanities*, 20(3), <https://doi.org/10.17576/ebangi.2023.2003.31>